



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS DAN APLIKASI KANDUNGAN BUKU TEKS PENDIDIKAN MORAL KSSM

KOGINDRAN A/L SOLUMUTHU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS DAN APLIKASI KANDUNGAN BUKU
TEKS PENDIDIKAN MORAL KSSM

KOGINDRAN A/L SOLUMUTHU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..9.....(hari bulan).....Julai (bulan) 20.....24..

i. Perakuan pelajar :

Saya, KOGINDRAN A/L SOLUMUTHU, P20201000415, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (FSK) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS DAN APLIKASI KANDUNGAN BUKU TEKS PENDIDIKAN MORAL KSSM

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. NADARAJAN A/L THAMBU (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS DAN APLIKASI KANDUNGAN BUKU TEKS PENDIDIKAN MORAL KSSM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah KEDOKTORAN _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

9.7.2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS DAN APLIKASI KANDUNGAN BUKU TEKS
PENDIDIKAN MORAL KSSM

No. Matrik /Matric's No.: P20201000415

Saya / I : KOGINDRAN A/L SOLUMUTHU

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 19.7.2024


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. NADARAJAN THAMBU
Jabatan Pengajian Moral, Sivik
Dan Pembangunan Karakter
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah kurniannya kajian ini dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dalam lembaran ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan bersyukur kerana diberi peluang untuk menyambung pengajian saya di peringkat kedoktoran melalui program Hadiah Latihan Perseketuan (HLP) di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada penyelia utama saya, Prof. Madya Dr. Nadarajan Thambu yang telah membimbing secara konsisten dan profesional sepanjang perjalanan pengajian ini. Sesungguhnya sukar untuk menggambarkan kekaguman saya melihat kesungguhannya dalam memberi nasihat dan didikan dalam bidang ilmu dan moral. Sudah tentu, karakter ini akan menjadi sumber inspirasi kepada kehidupan saya sepanjang masa. Tidak dilupakan barisan pensyarah Jabatan Pendidikan Sivik, Moral dan Pembangunan Karakter yang sentiasa berlapang dada dalam berkongsi ilmu dan pengalaman dalam bidang Pendidikan Moral. Amat Benar! Kalian merupakan permata yang sentiasa berkilauan di menara gading sepanjang zaman.

Di samping itu, saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada permata hati saya, Kala Subramaniom yang sentiasa menjadi sumber kekuatan saya khususnya dalam berkongsi suka duka kehidupan sebagai warga di taman ilmu yang indah ini. Kepada anak-anakku, Klareesha, Krist Jason dan Krist Joel, terima kasih diucapkan kerana sentiasa menjadi sumber inspirasi dalam memastikan roh perjuangan saya terus marak menyala. Tidak sesekali dilupakan kedua ibu bapa saya, En. Solumuthu-Pn. Esther dan setiap ahli keluarga saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya serta memberi sokongan moral sepanjang tempoh saya menjalankan kajian ini. Akhirnya, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya yang memberikan sokongan moral, dorongan dan bantuan sepanjang pengajian saya.

Budi dan jasa baik yang dihulurkan oleh semua pihak tetap disemat dalam hati sehingga akhir hayat.

Terima Kasih,

Kogindran Solumuthu





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka secara kritis kandungan buku teks Pendidikan Moral KSSM dari aspek teori perkembangan moral, pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Buku teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 4 digunakan untuk menganalisis kandungannya dengan menggunakan kaedah Hermeneutik. Manakala bagi aplikasi kandungan buku teks di dalam bilik darjah, sesi temu bual dijalankan melibatkan 8 orang peserta kajian. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan dalam memilih setiap peserta kajian. Sebanyak 8 sesi pemerhatian PdP Pendidikan Moral telah dijalankan. Data-data temu bual dan pemerhatian dianalisis menggunakan teknik analisis tema. Dapatan kajian menunjukkan teori perkembangan moral kurang dijelaskan secara tersurat dalam buku teks Pendidikan Moral. Teori perkembangan moral juga tidak dinyatakan secara seimbang mengikut dimensi penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Pelaksanaan kandungan buku teks dalam PdP Pendidikan Moral pula menunjukkan guru tidak dapat mengaitkan konflik moral dengan teori-teori perkembangan moral kepada murid. Guru masih kurang arif tentang teori-teori perkembangan moral yang menjadi asas kepada perkembangan penaakulan, emosi dan perlakuan moral. Walaupun kandungan buku teks Pendidikan Moral kaya dengan aktiviti dan latihan berunsurkan PAK-21, namun dalam PdP di kelas, guru hanya mengaplikasikan elemen komunikasi dan pemikiran kritis sahaja. Selanjutnya, elemen KBAT dikembangkan dengan baik khususnya yang melibatkan pemikiran aras tinggi iaitu aras aplikasi dan analisis. Secara perbandingan guru lebih memberi fokus kepada aras mengetahui dan memahami semasa memberikan latihan dan perbincangan di dalam kelas. Kajian ini mempunyai implikasi terhadap kurikulum Pendidikan Moral dalam aspek kandungan teori, aplikasi pedagogi dan pentaksiran.



ANALYSIS AND APPLICATION OF KSSM MORAL EDUCATION TEXTBOOK CONTENT

ABSTRACT

This study aims to critically explore the content of the KSSM Moral Education textbook in terms of moral development theory, 21st-century learning, and higher-order thinking skills (HOTS). It adopts a qualitative approach with a case study design. The KSSM Moral Education textbook for Form 4 is used for analyse the content of the book using the Hermeneutic method. Additionally, 8 participants were interviewed for insights on the textbook's application in the classroom. All these research participants are selected through purposive sampling. Eight Moral Education teaching and learning sessions were also observed in this research. Interview and observation data were analysed thematically. The findings indicate that moral development theories are inadequately explained in the Moral Education textbook, lacking balance across dimensions of moral reasoning, emotional moral, and moral behaviour. In terms of implementation, teachers struggle to connect moral issues with developmental theories, showing insufficient understanding of these theories' role in students' moral reasoning, emotions, and behaviours. The findings also show that even though the Moral Education textbook is rich in 21st-century learning-oriented activities and exercises but in practical classroom application, teachers primarily focus only on communication elements and critical thinking elements. Furthermore, Higher Order Thinking Skills (HOTS) elements are well developed, especially those that involve high-level thinking, which is the level of application and analysis. In comparison, teachers tend to focus more on the level of knowing and understanding when giving exercises and discussions in class. This study has implications for the Moral Education curriculum in terms of theoretical content, pedagogical applications, and assessment practices.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI LAMPIRAN	xxi

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pendidikan Moral di Malaysia	4
1.3.1	Kurikulum Pendidikan Moral KSSM	7
1.4	Buku Teks Dalam Sistem Pendidikan Malaysia	11
1.5	Kurikulum Standard Sekolah Menengah	13
1.5.1	Kandungan Pendidikan Moral KSSM	14
1.5.2	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran	15
1.5.3	Buku Teks Pendidikan Moral KSSM	17

1.6	Pernyataan Masalah	19
1.7	Objektif Kajian	27
1.8	Persoalan Kajian	27
1.9	Kepentingan Kajian	28
1.10	Batasan Kajian	29
1.11	Kerangka Konsep Kajian	30
1.12	Definisi Istilah	
1.12.1	Buku Teks di Malaysia	32
1.12.2	Pendidikan Moral	32
1.12.3	Teori Perkembangan Moral	33
1.12.4	Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)	34
1.12.5	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	34
1.13	Penyusunan Tesis	35
1.14	Kesimpulan Bab	36

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	37
2.2	Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	38
2.2.1	Kandungan Kurikulum Pendidikan Moral KSSM	40
2.2.2	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP)	47
2.3	Buku Teks Pendidikan Moral	48
2.4	Teori Perkembangan Moral	55
2.4.1	Teori Perkembangan Moral Kohlberg	58

2.4.2	Teori Perkembangan Moral Rest	61
2.4.3	Teori Perkembangan Empati Moral Hoffman	63
2.4.4	Teori Etika Kepedulian Noddings	67
2.4.5	Teori Karakter Lickona	71
2.5	Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Pendidikan Moral KSSM	74
2.6	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Pendidikan Moral KSSM	78
2.6.1	Taksonomi Bloom (Anderson-Krathwohl 2001)	84
2.7	Kelompokan Kajian	91
2.8	Kesimpulan Bab	94

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	96
3.2	Reka Bentuk Kajian	97
3.3	Pemilihan Tempat Kajian	98
3.3.1	Sekolah	98
3.4	Pemilihan Peserta Kajian	102
3.5	Penentuan Bilangan Peserta Kajian	103
3.6	Instrumen Kajian	106
3.6.1	Protokol Teks Dokumen	108
3.6.2	Protokol Pemerhatian	111
3.6.3	Protokol Temu Bual	112
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	114

3.7.1	Peringkat Pertama – Analisis Kandungan Buku Teks	115
3.7.2	Peringkat Kedua – Aplikasi Kandungan Buku Teks	115
3.8	Teknik Pengumpulan Data	119
3.8.1	Teknik Analisis Teks Dokumen	121
3.8.2	Teknik Pemerhatian	122
3.8.3	Teknik Temu bual	124
3.9	Prosedur Kajian	129
3.10	Jadual Prosedur Kajian	130
3.11	Pengurusan Data	133
3.11.1	Transkripsi	134
3.11.2	Penyaringan Data	135
3.11.3	Pengekodan	136
3.11.4	Penghasilan tema dan kategori	136
3.12	Analisis Data	137
3.12.1	Kaedah Hermeneutik	138
3.12.2	Kaedah Analisis Tema	140
3.13	Tatacara Analisis Data	142
3.13.1	Tatacara Analisis Data Hermeneutik	142
3.13.2	Tatacara Analisis Tema	143
3.14	Kesahan dan Kebolehpercayaan	145
3.14.1	Triangulasi	146
3.14.2	Penilaian Pakar	149
3.14.3	Semakan peserta kajian	150
3.14.4	Jejak Audit	152
3.16	Etika Penyelidikan	153

3.16	Kesimpulan Bab	156
------	----------------	-----

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	158
4.2	Justifikasi perolehan tema	160
4.3	Teknik persembahan data kajian	161
4.4	Teori perkembangan moral	163
4.4.1	Analisis dapatan teori perkembangan moral	164
4.4.2	Penjanaan tema dalam teori perkembangan Moral	181
4.4.3	Tema 1: Perkembangan Kognitif Moral	183
4.4.4	Tema 2: Model Empat Komponen Moral	185
4.4.5	Tema 3 : Perkembangan Empati Moral	186
4.4.6	Tema 4: Perkembangan Etika Kepeduliaan	187
4.4.7	Tema 5: Teori karakter Lickona	189
4.5	Kemahiran pembelajaran abad ke-21 (PAK21)	194
4.5.1	Analisis Dapatan Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21	194
4.5.2	Penjanaan tema dalam PAK21	209
4.5.3	Tema 1: Komunikasi	211
4.5.4	Tema 2: Kolaboratif	212
4.5.5	Tema 3: Kreatif	214
4.5.6	Tema 4: Pemikiran Kritis	215
4.5.7	Tema 5: Kaedah Pembelajaran	217
4.6	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	220

4.6.1	Analisis dapatan Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)	221
4.6.2	Penjanaan Tema Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)	239
4.6.3	Tema 1: Mengaplikasi	243
4.6.4	Tema 2: Menganalisis	244
4.6.5	Tema 3: Menilai	245
4.6.6	Tema 4: Mencipta	246
4.7	Pelaksanaan kandungan buku teks dalam PdP oleh Guru	247
4.7.1	Analisis Pelaksanaan Teori Perkembangan Moral	249
4.7.2	Analisis Pelaksanaan Pembelajaran Abad	278
4.7.3	Analisis Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	315
4.8	Rumusan dapatan kajian	331
4.8.1	Teori Perkembangan Moral	332
4.8.2	Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)	333
4.8.3	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	334
4.8.4	Pelaksanaan Kandungan Buku Teks dalam PdP oleh Guru	334
4.9	Kesimpulan Bab	336

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	338
5.2	Teori Perkembangan Moral	339
5.2.1	Teori Perkembangan Kognitif Moral	341
5.2.2	Model Empat Komponen Rest	343
5.2.3	Teori Empati Moral	345

5.2.4	Teori Etika Kepeduliaan	347
5.2.5	Teori Karakter Moral	350
5.2.6	Teori Perkembangan Moral dalam Kandungan Buku Teks	351
5.3	Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)	356
5.3.1	Komunikasi	358
5.3.2	Kolaboratif	360
5.3.3	Kreatif	362
5.3.4	Pemikiran Kritis	364
5.3.5	Kaedah Pembelajaran	366
5.3.6	PAK21 dalam Kandungan Buku Teks KSSM	368
5.4	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	371
5.4.1	Aras Mengaplikasi	374
5.4.2	Aras Menganalisis	376
5.4.3	Aras Menilai	377
5.4.4	Aras Mencipta	378
5.4.5	KBAT dalam Kandungan Buku Teks KSSM	379
5.5	Pelaksanaan Kandungan Buku Teks	380
5.5.1	Aplikasi Teori Perkembangan Moral	381
5.5.2	Aplikasi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)	384
5.5.3	Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	386
5.6	Implikasi dapatan Kajian	389
5.6.1	Implikasi Kepada Kurikulum Pendidikan Moral	389
5.6.2	Implikasi Penghasilan Buku Teks Pendidikan Moral	391
5.6.3	Implikasi Kepada Pentaksiran Pendidikan Moral	393

5.6.4	Implikasi Kepada Guru Sebagai Pelaksanan Kurikulum	394
-------	--	-----

5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	394
-----	--------------------------	-----

5.8	Kesimpulan	395
-----	------------	-----

RUJUKAN		398
----------------	--	-----

LAMPIRAN		413
-----------------	--	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Bidang pengajaran mengikut tingkatan (DSKP Tingkatan 1, 2015)	43
2.2	Hubungan antara bidang pembelajaran, standard kandungan dan kandungan buku teks	45
2.3	Penggunaan buku teks Pendidikan Moral KBSR & KBSM (1983-1993)	49
2.4	Penggunaan buku teks Pendidikan Moral Semakan KBSR & Semakan KBSM	50
2.5	Penggunaan buku teks Pendidikan Moral KSSR & KSSM (2011-2021)	52
2.6	Penggunaan buku teks Pendidikan Moral KSSR (Semakan Kurikulum) 2017	54
2.7	Semakan Taksonomi Bloom	87
2.8	Tahap Pemikiran	89
2.9	Unit 5.1: Insan Bermoral	90
3.1	Kriteria Pemilihan Sekolah	100
3.2	Latar belakang peserta kajian	105
3.3	Tarikh-tarikh penting	118
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	121
3.5	Lokasi pelaksanaan sesi temu bual	126
3.6	Jadual prosedur analisis buku teks	131
3.7	Jadual prosedur aplikasi buku teks	132





3.8	Jadual Prosedur Kajian Keseluruhan	133
3.9	Senarai Pakar Instrumen	150
4.1	Peratusan mudah mengikut kategori	163
4.2	Singkatan dan unit asas	165
4.3	Perincian Teori Perkembangan Moral dalam Kandungan Buku Teks	164
4.4	Rumusan teori karakter Lickona berpandukan tiga dimensi moral	190
4.5	Rumusan analisis teori perkembangan moral	193
4.6	Perincian setiap tema pembelajaran abad ke-21 (PAK21)	195
4.7	Rumusan kaedah pembelajaran kandungan buku teks	217
4.8	Perincian setiap tema KBAR dan KBAT	221
4.9	Rumusan aras kemahiran berfikir	240
4.10	Ulasan teori perkembangan moral	251
4.11	Tahap perkembangan kognitif moral sesi PdP	255
4.12	Komponen empat komponen moral dalam sesi PdP	258
4.13	Teori perkembangan empati moral dalam sesi PdP	262
4.14	Teori perkembangan etika kepedulian dalam sesi PdP	265
4.15	Teori karakter moral dalam sesi PdP	269
4.16	Elemen PAK21 PdPc Pendidikan Moral	279
4.17	Pemerhatian umum elemen 4K dalam PdP Pendidikan Moral	281
4.18	Elemen komunikasi dalam kaedah perbincangan kumpulan	289
4.19	Elemen komunikasi dalam buku teks dalam penggunaan pelbagai bahan pembentangan	289





4.20	Elemen komunikasi dalam buku teks menggalakkan perkongsiaan sebagai bahan pembentangan	290
4.21	Elemen komunikasi dalam menggalakkan murid penajaan idea murid	290
4.22	Elemen komunikasi dalam memberi peluang kepada guru untuk membimbing kemahiran komunikasi murid	291
4.23	Elemen kolaboratif dalam buku teks dalam penggunaan pelbagai bahan pembentangan	294
4.24	Elemen kolaboratif dalam buku teks dalam menggalakkan PdPc bercorak penyelesaian masalah	295
4.25	Elemen kolaboratif dalam buku teks dalam menggalakkan PdPc berbentuk simulasi dan lakonan	295
4.26	Elemen kolaboratif dalam menggalakkan penggunaan peta minda <i>i-think</i> bagi menjana idea murid	296
4.27	Elemen kolaboratif dalam buku teks dalam menggalakkan menggalakkan PdPc berbentuk inkuiri penemuan	296
4.28	Elemen kreativiti dalam buku teks dalam menggalakkan unsur kreativiti dijalankan dalam bilik darjah	299
4.29	Elemen kreativiti dalam buku teks menggalakkan guru mengamalkan penyoalan yang kreatif	300
4.30	Elemen kreativiti dalam buku teks menggalakkan perkongsian bahan pembentangan	300
4.31	Elemen kreativiti dalam buku teks menggalakkan murid menjana idea kreatif	301
4.32	Elemen kritis dalam buku teks dalam menggalakkan guru melontarkan penyoalan secara kritis	304
4.33	Elemen kritis dalam buku teks menggalakkan murid memberi idea secara kritis	304



4.34	Elemen kritis dalam buku teks dalam menggalakkan murid meneroka pandangan kritis rakan	305
4.35	Elemen kritis dalam buku teks menggalakkan murid menentukan sebab dan penjelasan kepada hujah mereka	306
4.36	Elemen kritis dalam buku teks dalam menguji implikasi, kesan atau akibat berdasarkan hujah	306
4.37	Pemerhatian spesifik pembelajaran abad ke-21 (PAK21)	310
4.38	Elemen KBAT di setiap sesi PdP	316



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Pengajaran dan pembelajaran nilai di sekolah menengah	8
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	31
2.1	Domain Pendidikan Moral KSSM	38
2.2	Perkembangan Kurikulum di Malaysia	39
2.3	Peringkat Perkembangan Kognitif Moral Kohlberg (1981)	61
2.4	Model Empat Komponen Moral Rest	63
2.5	Kategori perkembangan empati moral Hoffman (2003)	66
2.6	Komponen dalam pendekatan kepedulian Noddings (2002)	70
2.7	Hieraki Taksonomi Bloom	87
2.8	Rumusan Grafik Kajian Literatur	91
2.9	Kelompangan Kajian	93
3.1	Kriteria Pemilihan Peserta Kajian	106
3.2	Fasa awal pengumpulan data	117
3.3	Prosedur Kajian	129
3.4	Proses analisis data menggunakan Kaedah Hermeneutik	140
3.5	Kaedah Analisis Tema	141





3.6	Tatacara analisis data menggunakan Kaedah Hermeneutik	143
4.1	Tema Teori Perkembangan Moral	183
4.2	Tema teori perkembangan kognitif moral di setiap bahagian buku teks	184
4.3	Tema teori Model Empat Komponen Moral	185
4.4	Tema teori empati moral	187
4.5	Tema teori etika kepedulian	188
4.6	Tema teori karakter	192
4.7	Tema pembelajaran abad ke-21 (PAK-21)	210
4.8	Perincian tema komunikasi mengikut bahagian utama buku teks	211
4.9	Perincian tema kolaboratif mengikut bahagian utama buku teks	213
4.10	Perincian tema kreatif mengikut bahagian utama buku teks	214
4.11	Perincian tema kritis bahagian utama buku teks	216
4.12	Kaedah pembelajaran mengikut bahagian yang memfokuskan aktiviti	219
4.13	Tema pembelajaran abad ke-21	239
4.14	Tema mengaplikasi	243
4.15	Tema menganalisis	244
4.16	Tema menilai	245
4.17	Tema mencipta	246
4.18	Persembahan bahagian pelaksanaan kandungan buku teks	248
4.19	Elemen 4K dalam pembelajaran abad ke-21	280
4.20	Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) PdP Pendidikan Moral	316



SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Teks Dokumen (PTD)
- B Protokol Pemerhatian (PP)
- C Protokol Temu Bual Individu
- D Pemilihan Peserta Kajian

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran yang penting di kebanyakan negara dengan memberi penekanan khusus kepada pembangunan manusiawi. Fadlina (2023) menegaskan bahawa peruntukkan RM 58.7 billion dalam bajet 2024 menjadi tanggungjawab besar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melaksanakan pendidikan berunsurkan manusiawi. Perkembangan zaman yang agak mencabar sudah tentu memberi cabaran yang getir dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Moral secara lebih bermakna. Bagi memastikan impian ini dapat direalisasikan, kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia harus berkembang seiring dengan perkembangan global supaya kurikulum ini relevan dengan keperluan masa kini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam membangunkan aspek manusiawi dalam kalangan murid, Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran yang diperkenalkan khusus bagi tujuan di atas dengan matlamat dapat melahirkan insan yang berakhlak mulia dan berintegriti (KSSM, 2017). Menurut Vishalache (2011), seseorang insan di Malaysia diterima sebagai manusia bermoral sekiranya dia mematuhi peraturan, undang-undang dan norma masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa Pendidikan Moral ialah satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia yang berpegang kepada nilai universal untuk kesejahteraan negara dan masyarakat global (DSKP Pendidikan Moral Semakan Tahun 6, 2020). Implikasi kemerosotan nilai moral serta peningkatan masalah sosial mendorong mata pelajaran ini diperkenalkan dalam kurikulum pendidikan negara kita (Rosnani, 2007). Pendek kata, peningkatan masalah sosial sudah menjadi satu wabak yang serius dalam kalangan remaja di Malaysia (Baharom Mohamad et al., 2008; Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009). Jika disorot kajian lampau, Lovat & Clement (2008) menegaskan bahawa Pendidikan Moral menjadi satu keperluan di dunia ekoran dengan kewujudan pelbagai masalah. Justeru itu, Nadarajan (2020) berpendapat bahawa golongan pendidik harus menggunakan pedagogi alternatif dalam Pendidikan Moral bagi menangani isu keruntuhan akhlak dan masalah sosial di kalangan murid.

Lantaran itu, kerajaan telah memperuntukkan dana yang besar bagi mengekang isu-isu sosial yang melibatkan remaja. Misalnya, kerajaan negeri Kelantan pada tahun 2020 telah memperuntukkan RM1.95 juta bagi menangani gejala sosial khususnya





penyalahgunaan dadah, ketum dan arak (BERNAMA, 2020). Sebagai sebuah negeri yang dikenali sebagai Serambi Mekah, kerajaan negeri amat prihatin, cakna dan serius dalam hal-hal yang melibatkan isu-isu yang boleh meruntuhkan akhlak dan sahsiah masyarakat. Seajar dengan itu, Pendidikan Moral adalah penting untuk membantu individu mengembangkan rasa betul atau salah serta menjadi sebahagian daripada masyarakat yang bertanggungjawab dan beretika (Nucci, 2001). Beliau juga berpendapat bahawa kepentingan pendidikan moral mampu menggalakkan perubahan sosial yang positif dan mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan beretika.

Falsafah Pendidikan Moral adalah sangat luas yang merangkumi aspek penaakulan moral, emosi moral dan tindakan moral. Perkembangan ketiga-tiga dimensi moral secara seimbang dan holistik mampu menghasilkan insan yang berakhlak mulia serta berintergriti. Hakikatnya, sejak pelaksanaan KBSM Pendidikan Moral pada tahun 1989 hingga KSSM, tumpuan yang lebih diberikan kepada aspek penaakulan moral berbanding dimensi-dimensi yang lain. Tambahan pula, format baharu kertas Pendidikan Moral Sijil Pelajaran Malaysia bermula pada tahun 2021 menjadi saksi di mana tahap penilaian bagi subjek ini adalah seratus peratus menerusi ujian penulisan (penaakulan moral). Vishalache (2021) menyeru agar guru harus mendidik murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi memastikan bahawa pendidikan holistik dapat diberikan kepada semua murid. Seajar dengan itu, Nadarajan (2020) menegaskan bahawa sebagai satu mata pelajaran teras, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Moral serta proses pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah harus diberi perhatian.

Kurikulum Pendidikan Moral boleh dikatakan kerap di semak semula mengikut keperluan semasa. Selain itu, pelbagai kaedah pembelajaran telah dicadangkan di dalam dokumen kurikulum ini yang dilengkapi dengan komponen pentaksiran yang komprehensif. Namun satu perkara yang harus diberi perhatian adalah sumber pembelajaran Pendidikan Moral yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan bahan pengajaran Pendidikan Moral merupakan salah satu cabaran dalam pelaksanaan PdP Pendidikan Moral (Kogindran, 2014). Dalam hal ini, buku teks Pendidikan moral yang merupakan salah satu sumber rujukan utama bagi guru dan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral harus memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan kurikulum ini.

1.3 Pendidikan Moral di Malaysia

Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran teras dalam kurikulum pendidikan negara kita. Mata pelajaran Pendidikan Moral juga merupakan satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar bukan Islam di Malaysia. Mata pelajaran ini mula diajar di Tahun 1 di peringkat sekolah rendah. Pendidikan Moral juga memainkan peranan penting dalam mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi aspek jasmani, emosi, rohani serta intelek. Hasrat ini akan menyumbang kepada penghasilan insan yang berilmu pengetahuan serta mempunyai akhlak yang terpuji. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan;

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

Menurut Khairani (2012), Imam Al-Ghazali merujuk akhlak sebagai suatu sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang di mana daripadanya timbul perbuatan-perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan terlebih dahulu. Manakala Ahmad Amin (1958) berpendapat bahawa akhlak ialah kehendak yang dibiasakan dalam jiwa manusia dan akan menjadi kebiasaan yang mudah dilakukan. Beberapa komponen perlu ada dalam jiwa manusia bagi melahirkan insan berakhlak mulia atau insan bermoral.

Menurut Wilson (1973), komponen yang perlu ada dalam diri seorang insan bermoral dikategorikan sebagai konsep iaitu peraturan dan prinsip yang difikirkan perlu digunakan dalam tindakan dan perasaan atau emosi yang menyokong kepercayaan bahawa sesuatu konsep atau tindakan itu perlu dilakukan (McLaughlin, & Halstead, 2000).

Menurut Awang Sarian (dalam kajian Mohd Salleh & Jamaliah, 2003), nilai murni merupakan elemen penting dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) secara holistik merangkumi tahap proses (mengembangkan potensi individu secara menyeluruh), matlamat (insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek), dasar (prinsip pertama Rukun Negara) dan hasil (rakyat yang berilmu, bertanggungjawab, berakhlak mulia dan berkeupayaan bagi masyarakat dan negara).



Dalam era ini, buku teks merupakan salah satu bahan yang penting bagi merealisasikan matlamat dan objektif kurikulum negara. Bahagian Sumber dan Teknologi (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia berperanan dalam memastikan buku teks yang digunakan di sekolah adalah seragam, relevan dan berkualiti. Pada era KBSM (1989), Bahagian Buku Teks (kini dikenali sebagai Bahagian Sumber dan Teknologi) telah memastikan kesesuaian kandungan berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK). Penghasilan buku teks Pendidikan Moral (Kurikulum Semakan Semula 2003) pula menyaksikan peranan buku teks terus diberi perhatian khusus. Menurut Abdul Rafie Mahat (2002), buku teks Pendidikan Moral telah melalui proses pemerakuan di peringkat kementerian bagi tujuan jaminan kualiti.



Buku teks Pendidikan Moral (Kurikulum Semakan Semula) telah memenuhi dan kehendak Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran). Satu lagi aspek penting buku teks pada era ini adalah penghasilan buku teks berfokus secara menyeluruh dan tidak sekali-kali menjurus kepada peperiksaan. Akhir sekali, ilustrasi telah diperbanyakkan bagi merangsang minda murid menghayati matlamat dan objektif pembelajaran Pendidikan Moral. Penghasilan buku teks Pendidikan Moral KSSM adalah bersandarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral. Buku teks ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral bagi membentuk insan yang berakhlak mulia dan berintegriti (Abdul Pabil, Barathi & Vijayaletcmy, 2019).



Secara kesimpulannya, kita dapat mentafsirkan bahawa buku teks memainkan peranan sebagai sumber utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Selain itu, penghasilan buku teks adalah berdasarkan dokumen-dokumen kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Akhir sekali, kita juga dapat mengupaskan bahawa penghasilan buku teks adalah berteraskan pencapaian objektif kurikulum pendidikan Malaysia.

1.3.1 Kurikulum Pendidikan Moral

Kurikulum Pendidikan Moral melalui tiga proses perubahan kurikulum sejak era pelaksanaan KBSR/KBSM. Oleh kerana kajian ini melibatkan kurikulum Pendidikan Moral sekolah menengah, tiga perubahan kurikulum Pendidikan Moral dijelaskan bagi memberi gambaran menyeluruh tentang kurikulum ini dan keperluan khusus bagi kurikulum ini yang juga merupakan salah satu fokus utama kajian ini.

i. Kurikulum Pendidikan Moral KSSM 2017


Selaras dengan perubahan sistem pendidikan negara, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diubah ke Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan mula dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2011. Manakala, Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) diubah ke Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017. Perlaksanaan KSSM ini melibatkan murid-murid tingkatan 1 hingga

tingkatan 5. Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran teras yang dinilai di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2015),

Mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Mata pelajaran ini diharap dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia, dan mengutamakan perpaduan serta bersemangat patriotik ke arah menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015)

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) merupakan dokumen rasmi dan rujukan guru-guru Pendidikan Moral bagi merancang dan mentaksir pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Rajah 1.1 menunjukkan perkembangan kandungan bidang dan nilai dalam kurikulum Pendidikan Moral sejak KBSM (1989) hingga Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) 2017.



Rajah 1.1. Pengajaran dan pembelajaran nilai di sekolah menengah



Selain itu, Rajah 1 juga menerangkan penggunaan nilai-nilai dalam pengajaran dan pembelajaran murid dari tahun 1989 hingga ke tahun semasa. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula dilaksanakan pada tahun 1989 secara berperingkat-peringkat bermula dari tingkatan 1. Topik-topik disusun mengikut 16 nilai utama bagi setiap tingkatan. Murid-murid belajar nilai yang sama di setiap tingkatan namun ciri-ciri nilai adalah berbeza mengikut kesesuaian aras murid. Selain 16 nilai utama, terdapat 64 sub nilai yang harus dipelajari oleh murid. Menurut Vishalache (2010), sebagai kurikulum perintis bagi mata pelajaran Pendidikan Moral, tiga aspek diberi penekanan iaitu kerohanian, kemanusiaan dan sosial. Aspek-aspek yang dinyatakan di atas diterapkan melalui pemupukan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, etnik, budaya dan tradisi. Pemilihan nilai-nilai ini diperhalusi dan diserahkan kepada Jawatan kuasa Teknikal Pendidikan Moral yang ditubuhkan pada 7 Februari 1978. Mukarjee dari Universiti Malaya merupakan pengerusi jawatan kuasa serta Pusat Perkembangan Kurikulum sebagai urusetia jawatan kuasa. Kurikulum Pendidikan Moral KBSM 1989 bertumpu kepada pengajaran nilai (*values teaching*) yang merupakan satu kaedah pengajaran yang asing buat guru-guru Pendidikan Moral pada waktu itu (Chandrika, 2003).

Keperluan bagi menyemak semula kurikulum Pendidikan Moral sedia ada adalah kerana tumpuan kurikulum Pendidikan Moral KBSM 1989 yang lebih kepada aspek pengetahuan moral tanpa melibatkan domain-domain moral yang lain. Tujuh bidang utama dengan keseluruhan 36 nilai mula diperkenalkan dalam semakan kurikulum ini. Aspek-aspek seperti penaaakuan, emosi dan perlakuan moral mula diberi tumpuan. Kaedah pengajaran masih bertumpu kepada pengajaran nilai (*values*





teaching) namun menurut Vishalache (2004), setelah beberapa kajian, penilaian mata pelajaran Pendidikan Moral telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama, menguji pengetahuan dan kedua, kerja projek di mana komitmen pelajar terhadap domain afektif dan psikomotor dapat dinilai.

Selaras dengan perkembangan pendidikan dunia dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada tahun 2013, satu kurikulum baru mula digubal dan berjaya dilaksanakan pada tahun 2017. Antara pembaharuan yang dilakukan dalam kurikulum ini adalah pengenalan nilai-nilai universal bagi topik-topik Pendidikan Moral yang dibahagikan kepada tujuh bidang. Murid-murid menengah rendah mempelajari topik-topik dalam bidang 1 hingga bidang 4 sahaja manakala murid-murid menengah atas mempelajari bidang 5 hingga bidang 7.



Selain itu, sesi pengajaran dan pembelajaran memfokuskan tiga domain utama iaitu penaaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Kurikulum ini turut menyediakan satu panduan kepada murid untuk membuat keputusan dan tindakan yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial terhadap masyarakat, negara dan global. Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) mula dilaksanakan dengan memberi penumpuan kepada dua elemen iaitu peperiksaan bertulis (SPM) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi murid-murid di tingkatan 1 hingga 5. Hal ini juga selaras dengan tiga prinsip moral iaitu altruistik, autonomi dan keadilan bagi membina dan mengekalkan masyarakat yang bermoral dan beretika (DSKP Pendidikan Moral Tingkatan 1, 2015).





1.4 Buku Teks dalam sistem Pendidikan Malaysia

Buku teks merupakan satu sumber yang penting dalam pendidikan. Menurut *International Encyclopedia of Education* (1995), buku teks boleh didefinisikan sebagai bahan yang mengandungi maklumat asas yang diperlukan bagi memenuhi kehendak kurikulum. Manakala, Hutchington dan Torres (1994) mentakrifkan buku teks sebagai satu agen perubahan dalam pelaksanaan sesuatu sukatan pelajaran yang membawa falsafah pembelajaran masing-masing. Selain daripada itu, buku teks juga digunakan secara meluas di dalam dan luar bilik darjah. Buku teks menjadi satu sumber yang penting dalam proses pemindahan ilmu.



Keciciran, Kementerian Pendidikan (Murad, 1973) dengan jelas mengemukakan kepentingan buku teks ke atas pencapaian akademik pelajar. Impak buku teks ini telah dikenal pasti berikutan penggunaan buku teks kepada pelajar-pelajar terpilih yang cemerlang dalam akademik pada tahun 70-an. Antara kesan penggunaan buku teks adalah keperluan untuk pembentukan, penggubalan dan pelaksanaan kurikulum. Selain itu, penambahbaikan sistem penilaian, pengukuran dan pentaksiran telah dilakukan. Penggunaan buku teks juga memastikan dasar kesamarataan serta memberi peluang pendidikan kepada semua lapisan pelajar.

Memandangkan permintaan yang tinggi yang menyokong pelaksanaan program buku teks di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), maka satu program bantuan buku teks telah diperkenalkan kepada keluarga yang kurang berkemampuan. Setelah





pelaksanaan KBSR dan KBSM, Kementerian Pendidikan telah mewujudkan Biro Buku Teks (dikenali sebagai Bahagian Buku Teks) pada tahun 1988. Peranan utama adalah untuk memastikan penggunaan buku secara seragam dan berkualiti. Antara program yang dilaksanakan oleh Biro Buku Teks adalah melaksanakan dasar kelayakan penerima bantuan yang menggariskan tiga dasar utama iaitu dasar penggunaan dan pemilihan buku teks, dasar penukaran buku teks dan dasar gantian.

Bahagian Buku Teks (BBT) kini dikenali sebagai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) hasil daripada penggabungan tiga bahagian iaitu Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Bahagian Buku Teks (BBT) dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) di bawah penstrukturan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 3 Januari 2019. BSTP mempunyai peranan penting dalam memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan program buku teks secara optimum. Pertama, BSTP berperanan untuk mengeluarkan, menilai serta memperakukan buku teks untuk kegunaan sekolah rendah (SR) dan sekolah menengah (SM). Peranan kedua adalah untuk mengawal harga dan kualiti buku teks. Ketiga, BSTP memastikan pelaksanaan program buku teks di semua sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah agama bantuan kerajaan berjalan dengan lancar. Keempat, BSTP meningkatkan kualiti buku teks sekolah serta memantau kegunaannya.

Memandangkan penggunaan buku teks adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kajian ini memfokuskan secara spesifik beberapa elemen dalam buku teks Pendidikan Moral KSSM tingkatan 4. Antara elemen yang dikaji adalah dari segi aspek teori serta falsafah moral. Selain daripada itu, kajian ini juga melihat dari aspek





kehendak agenda negara dan kehendak global. Kehendak global di sini merangkumi aspek pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

1.5 Kurikulum Standard Sekolah Menengah

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mula diperkenalkan bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Konsep KSSM telah dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat JKP Bil. 2/2010 pada 26 Oktober 2010. KSSM adalah satu transformasi kurikulum di negara kita. Transformasi kurikulum dirancang mengikut keperluan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), tujuan transformasi adalah;

Tujuan transformasi adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011)

Antara matlamat transformasi kurikulum adalah untuk menyediakan murid-murid yang mempunyai pengetahuan, kemahiran nilai yang relevan dengan keperluan dan cabaran abad ke-21. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mula dilaksanakan pada tahun 2017 melibatkan murid-murid Tingkatan 1. KSSM dilaksanakan bagi memenuhi dasar pendidikan yang baru di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Objektif utama PPPM adalah bagi memastikan kualiti pendidikan setanding dengan standard antarabangsa.





1.5.1 Kandungan Pendidikan Moral KSSM

Pendidikan Moral juga tidak terkecuali daripada perubahan kurikulum yang baharu ini.

Di bawah KSSM Pendidikan Moral, beberapa perubahan telah dilakukan. Antaranya;

- i. Pengenalan tujuh bidang di mana murid-murid menengah rendah (Tingkatan 1-3) akan belajar bidang 1 hingga bidang 4. Manakala bidang 5 hingga bidang 7 akan dipelajari oleh murid-murid menengah atas (Tingkatan 4 dan 5).
- ii. Perlaksanaan PdP menggunakan jam kredit. Murid-murid pelajar Tingkatan 1 hingga 3 akan menghadiri PdP selama 64 jam di dalam kelas dan 32 jam di luar bilik darjah. Manakala bagi menengah atas, masa PdP adalah 64 jam setahun.
- iii. Terdapat dua jenis pentaksiran yang akan dilakukan iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan peperiksaan bertulis bagi semua murid sekolah menengah.
- iv. Format peperiksaan SPM diubah bagi calon-calon SPM 2021 di mana kertas peperiksaan Pendidikan Moral SPM dibahagikan kepada 3 bahagian. Kerja kursus bagi murid-murid menengah atas telah digantikan dengan PBD.

KSSM Pendidikan Moral mengambil kira beberapa elemen yang penting seperti Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Dasar Pendidikan Kebangsaan, Wawasan 2020, kemahiran abad ke-21 (KBAT), Model Baru Ekonomi, Rancangan Jangka Panjang, Perkembangan Dunia Semasa, teori-teori pembelajaran dan 4 *pillar of education*.





1.5.2 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Perlaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) adalah untuk memastikan sistem pendidikan kita tidak ketinggalan jauh di persada antarabangsa. Menurut Mohamad Fadzil dan Abdul Jaleel (2013), transformasi pendidikan menengah melalui PPPM 2013-2025 menunjukkan kerajaan peka dan prihatin dengan perkembangan sistem pendidikan sedia ada. Sariah (2015) menyatakan kurikulum berasaskan standard amalan antarabangsa dijemakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Bagi memenuhi standard pendidikan, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) diperkenalkan bagi menggantikan Huraian Sukatan Pelajaran yang digunakan semasa era KBSM. DSKP telah dibina oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) di Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai panduan utama guru-guru yang mengajar di peringkat sekolah. Dokumen ini adalah dokumen rasmi kepada semua pihak berkepentingan bagi menjayakan hasrat KSSM.

DSKP menyepadukan enam tunjang mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 (PAK21) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Enam tunjang ini akan membantu penghasilan murid seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ini akan membantu untuk mencapai hasrat iaitu matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. DSKP dibahagikan kepada tiga kategori yang utama iaitu standard kandungan, standard pembelajaran serta standard pentaksiran. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015);





Kurikulum berasaskan standard ini telah dijelmakan dalam KSSM melalui penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi beberapa standard iaitu Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi) bagi semua mata pelajaran.

(Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015).

Standard kandungan (SK) adalah pernyataan spesifik tentang perkara-perkara atau topik-topik yang harus dikuasai oleh murid dalam suatu tempoh masa persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Kandungan DSKP ini dibina merangkumi topik-topik penting dalam setiap mata pelajaran yang ditawarkan. Secara spesifiknya, kandungan Pendidikan Moral meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai moral yang perlu diketahui dan dikuasai oleh setiap murid.

Standard pembelajaran (SP) adalah satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Guru-guru Pendidikan Moral boleh menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti pembelajaran aktif, pembelajaran khidmat masyarakat, pembelajaran penyelesaian masalah, dan pembelajaran berasaskan projek bagi meningkatkan minat dan prestasi pelajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

Standard pentaksiran (SPi) adalah bagi membantu guru mentaksir setiap elemen dalam standard pembelajaran supaya murid-murid ini dapat menguasai standard kandungan bagi sesuatu mata pelajaran. Dokumen ini menegaskan penilaian berterusan dilakukan dalam menentukan perkembangan dan penguasaan murid. Pentaksiran hendaklah dilaksanakan dengan pelbagai cara. Melalui pentaksiran, tahap penguasaan dan pencapaian murid dapat dikenal pasti dan direkod untuk keperluan pelbagai pihak (DSKP Pendidikan Moral tingkatan 4 dan 5). Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan





satu proses pentaksiran yang akan menilai perkembangan murid-murid ini. Guru boleh melaksanakan penilaian formatif atau penilaian sumatif bagi mengenal pasti prestasi murid-murid.

1.5.3 Buku Teks Pendidikan Moral KSSM

Penggunaan buku teks dalam PdP adalah satu kebiasaan di sekolah di Malaysia (Mahidin, 2006). Buku teks Pendidikan Moral merupakan sumber yang penting dalam perlaksanaan kurikulum yang baru dan seterusnya mencapai cita-cita negara dalam konteks yang lebih luas. Pandangan ini selari dengan pandangan Altbach (1991), buku teks adalah satu cara hasrat nasional dan dasar negara dipersembahkan di kebanyakan negara. Penggunaan buku teks membantu guru dalam menyampaikan kandungan Pendidikan Moral serta membantu proses pembelajaran murid. Wan Mariana (2013) berpendapat bahawa buku teks dijadikan sumber penting bagi merancang, melaksana dan menyampaikan isi pelajaran kepada murid. Menurut Mohd Nazri (2013), buku teks juga berperanan dalam mengaplikasikan penilaian dan pentaksiran dalam bilik darjah. Dalam konteks ini, sesuatu objektif pengajaran serta hasil pembelajaran sesuatu topik amat bergantung kepada penggunaan buku teks. Borham berpendapat bahawa guru juga boleh menjadikan buku teks sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam mencapai objektif pengajaran dalam kelas. Ini adalah kerana buku teks berperanan dalam menentukan apa yang hendak diajar dan bagaimana untuk mengajar di dalam kelas.



Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan buku teks Pendidikan Moral di semua peringkat sekolah rendah (tahun 1 hingga tahun 6) dan sekolah menengah (tingkatan 1 hingga tingkatan 5) berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Menurut Nur Muniarah Teoh Abdullah, Mohd Hilmie dan Vijayaletmy (2017), penulisan buku teks menjurus kepada matlamat untuk melahirkan insan murid yang boleh menyumbang ke arah perpaduan, kesejahteraan negara serta masyarakat global. Menurut mereka lagi, bagi memudahkan pemahaman kandungan setiap unit secara mendalam, buku teks KSSM diperkaya dengan pelbagai aspek seperti bahagian rangsangan, penjelasan konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan, penilaian dan aktiviti progresif. Setiap aspek ini memberi penekanan kepada empat tahap pemikiran dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Aktiviti-aktiviti dalam buku teks juga memberi peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berkolaboratif dan memberi maklum balas yang menjurus kepada pemikiran yang kreatif dan kritis.

Penghasilan buku teks haruslah berubah mengikut peredaran masa dan kecanggihan teknologi. Menurut Saedah Siraj (2000), ledakan teknologi maklumat menyaksikan kewujudan pelbagai bahan bantu mengajar yang hebat dalam bentuk elektronik, namun buku teks masih menjadi bahan pendidikan yang terpenting digunakan dalam bilik darjah. Pelbagai kajian telah dijalankan bagi meningkatkan kualiti, transformasi, inovasi dan kreativiti buku teks bagi memastikan buku teks masih relevan. Buku teks masih memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Jesteru itu, kajian ini bertujuan mengkaji kandungan buku teks Pendidikan Moral KSSM tingkatan 4 dan tingkatan 5 secara terperinci. Setiap unit pembelajaran merangkumi aspek bahan rangsangan, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian akan dianalisis secara terperinci. Bahagian rangsangan di setiap unit disediakan dalam bentuk grafik dan diikuti dengan satu soalan rangsangan berkaitan dengan topik pembelajaran. Dalam bahagian ini, murid dapat memberi pandangan sedia ada mereka sebelum memasuki aspek pembelajaran yang sebenar yang terkandung dalam bahagian pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Maka, lima bahagian ini dipilih dalam kajian ini. Hasil kajian ingin memaparkan sejauh manakah elemen-elemen teori perkembangan moral, pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan Kemahiran Berfikir aras Tinggi (KBAT) dimasukkan dalam kandungan buku teks ini agar ia relevan dengan perkembangan semasa dalam mengharungi cabaran globalisasi.

1.6 Pernyataan Masalah

Buku teks merupakan suatu alat konvensional dalam melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Penghasilan buku teks adalah berpandukan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Ia adalah dokumen rasmi yang digubal oleh pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia hasil kerjasama pakar-pakar mata pelajaran dan guru-guru pakar bagi sesuatu mata pelajaran tersebut. Bahagian Buku Teks akan melantik panel-panel yang terdiri daripada pensyarah universiti, pensyarah Institut Perguruan Malaysia (IPG), guru pakar, guru cemerlang serta guru akademik yang berpengalaman untuk menilai kualiti penghasilan buku teks.



Buku teks merupakan sumber rujukan yang amat penting bagi murid dan guru. Kajian William, David dan Crystal (2010) membuktikan bahawa pengalaman menggunakan buku teks dalam pembelajaran merupakan satu medium yang efektif berbanding dengan sumber pembelajaran yang lain. Bagi memastikan kualiti buku teks terus dijaga dan terpelihara, proses penghasilan buku teks Pendidikan Moral bukanlah suatu tugas yang mudah. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ia merupakan satu cabaran yang harus digalas oleh semua pihak yang terlibat dalam proses ini. Kekerapan perubahan isu-isu moral harus diambil kira supaya buku teks yang dihasilkan mampu untuk diguna pakai oleh para guru dan pelajar untuk jangka masa yang panjang.

Penghasilan buku teks berpandukan DSKP adalah suatu tugas yang mencabar khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Moral. Hal ini adalah kerana mata pelajaran ini adalah kompleks dan konteksnya adalah sangat luas dengan isu-isu moral yang berubah dari semasa ke semasa. Ia bertepatan dengan pandangan Golshan dan Azimi (2023) yang menyatakan bahawa penghasilan buku teks harus memberi tumpuan khusus kepada komponen-komponen moral dalam buku teks supaya dapat menyerlahkan unsur-unsur moral dalam diri murid berdasarkan objektif kurikulum Pendidikan Moral yang telah digariskan. DSKP Pendidikan Moral juga telah menitikberatkan komponen-komponen yang agak luas seperti pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Buku teks adalah satu dokumen rasmi bagi menguar-uarkan agenda kerajaan dan menyampaikan ilmu sebenar bagi sesuatu mata pelajaran. Kajian ini menyelidik sama ada buku-buku teks ini menggunakan teori-teori perkembangan moral dan juga





menganalisis elemen pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kajian ini juga mengenal pasti kelompondan-kelompondan yang wujud dalam kandungan buku teks serta memberi cadangan-cadangan untuk penambahbaikan kualiti buku teks Pendidikan Moral.

Teori-teori moral menjadi asas untuk perkembangan bidang ilmu moral. Setiap teori moral menjadi panduan kepada manusia untuk melaksanakan kehidupan berlandaskan nilai, etika, dan peraturan dalam masyarakat. Teori moral juga mengajar manusia untuk bertindak secara bermoral dan membuat sesuatu keputusan dan tindakan secara bermoral tanpa melanggar batas-batas kesusilaan, agama dan undang-undang. Maka, dengan mengetahui teori-teori moral manusia dapat mengetahui perkara yang betul, benar, patut dan wajib. Teori juga memberikan rasional dan justifikasi terhadap perlakuan individu dalam sesuatu situasi yang dipenuhi dengan dilema moral. Antara matlamat kurikulum Pendidikan Moral ialah mengajar individu menaakul secara bermoral, memiliki emosi atau perasaan moral dan bertindak atau memiliki perlakuan bermoral.

Bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit dalam persekitaran ekonomi yang dipacu oleh inovasi, KPM telah memberi penekanan terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem persekolahan. Pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang merangkumi tujuh elemen yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu kurikulum, pedagogi dan pentaksiran serta empat elemen sokongan iaitu kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, sumber dan bina upaya. Kajian yang dijalankan oleh Gan dan



Visha (2020) menjelaskan bahawa dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai pengetahuan asas tentang KBAT namun pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran Pendidikan Moral harus bersama-sama dengan pemupukan nilai-nilai universal supaya dapat menjadi pemangkin kepada kemenjadian murid.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, ingin membudayakan KBAT dalam kalangan murid di setiap peringkat persekolahan. Sekaligus menjadi landasan kepada pendidik dan pihak berkepentingan untuk membangunkan bahan sokongan kurikulum secara terancang dan berkesan. Usaha ini selari dengan pelaksanaan inisiatif KBAT seperti yang terkandung dalam anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk melahirkan murid yang berfikiran aras tinggi dan berdaya saing di peringkat global.

KBAT ditulis secara eksplisit dalam dokumen kurikulum iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Namun, sejauh manakah ia ditulis dan diaplikasikan dalam buku teks harus juga diperincikan dan dikaji. Maka kajian ini juga penting untuk melihat amalan KBAT yang dimuatkan dalam bahagian rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian serta menjustifikasikan amalan KBAT yang dimuatkan dalam buku teks Pendidikan Moral.



Walaupun buku teks sentiasa dianggap sebagai sumber utama pengajaran dan pembelajaran di sekolah, namun beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan tahap penggunaan buku teks masih tidak berada di tahap yang positif. Menurut Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam dan Afendi Hamat (2011), tahap kekerapan penggunaan buku teks di sekolah hanya menunjukkan tahap penggunaan yang sederhana dan antara punca utama adalah kekurangan pendedahan tentang cara menggunakan buku teks dalam kalangan guru. Kajian ini juga mencadangkan supaya Bahagian Buku Teks harus memberi kursus dan kesedaran tentang kepentingan penggunaan buku teks sebagai sumber pembelajaran.

Buku teks Pendidikan Moral yang berkualiti sudah tentu dapat memastikan guru dan murid menggunakannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Bagi memastikan buku teks yang berkesan, buku teks harus menterjemahkan atau memindahkan ilmu moral ke dalam minda murid dengan lebih berkesan. Selain itu, perkara ini harus dibantu oleh cara pengajaran atau pedagogi yang dirancang oleh guru khususnya guru Pendidikan Moral. Ternyata buku teks menjadi satu bahan utama ataupun bahan primer yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan kandungan moral secara tepat berdasarkan dokumen kurikulum yang telah digubal. Namun masalah timbul di mana ramai guru tidak menggunakan buku teks yang disediakan oleh kerajaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Mereka lebih gemar menggunakan buku-buku dalam pasaran atau luaran yang membincangkan cara dan teknik untuk menjawab soalan peperiksaan sahaja. Kandungan moral yang dirancang dengan baik di dalam buku teks tidak kesampaian kepada murid kerana guru tidak menggunakan buku teks secara optimum.



Masalah kedua yang timbul berkaitan buku teks Pendidikan Moral adalah berkaitan dengan peranan buku teks dalam memupuk kemoralan murid. Kemoralan murid ini boleh dipupuk apabila murid-murid diberikan dilema-dilema moral dan soalan-soalan rangsangan. Respon atau jawapan murid berkaitan dengan dilema moral ini harus dikaitkan dengan jawapan guru yang berlandaskan teori-teori asas yang berkaitan dengan bidang moral. Penerapan secara langsung teori perkembangan moral dalam PdP memberi manfaat yang besar untuk perkembangan moral pelajar, pembentukan sahsiah dan pembentukan karakter. Menurut Nucci (2018), penyepaduan teori-teori perkembangan moral mampu membentuk murid yang boleh membuat keputusan beretika, pemikiran kritikal, pembangunan karakter, membudayakan kepimpinan beretika, mencegah salah laku dan mengalakkan tingkah laku beretika. Penyepaduan teori perkembangan moral ke dalam PdP Pendidikan Moral oleh guru mampu memupuk perkembangan moral murid, memupuk kesedaran etika, dan memperkasakan mereka untuk menjadi individu yang berakhlak mulia serta berintegriti. Kajian rintis yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa buku teks masih kurang memberikan penerangan yang jelas tentang teori-teori berkaitan dengan sesuatu isu yang diutarakan. Maka ini merupakan satu kekurangan yang jelas terkandung dalam buku teks Pendidikan Moral.

Ketiga adalah berkaitan dengan pedagogi dalam pengajaran Pendidikan Moral di dalam bilik darjah. Guru-guru harus menggunakan kaedah pedagogi yang baik sejajar dengan perkembangan murid ke arah abad ke-21. Antara aspek-aspek yang harus diberikan keutamaan adalah dari aspek komunikasi, kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan pemilihan kaedah pembelajaran yang terbaik. Elemen-elemen ini adalah



penting untuk membuat keputusan termaklum dan menyesuaikan diri dengan arus semasa (Facione, P. A., 2015). Selain tu PAK21 juga menggalakkan mengembangkan imaginasi murid untuk berfikir di luar kotak (Craft, A., 2003). Elemen PAK21 dalam kandungan buku teks dapat membantu guru melengkapkan murid dengan kemahiran dan kecekapan yang diperlukan untuk berkembang maju dalam abad ke-21 dan seterusnya. Realitinya, PAK21 masih kurang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Moral kerana mereka masih menggunakan kaedah pengajaran tradisional.

Akhir sekali adalah berkaitan dengan aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Dengan menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di dalam bilik darjah, guru boleh membentuk murid untuk menjadi pemikir kritis, penyelesaian masalah yang lebih kreatif dan murid yang dilengkapi untuk berjaya dalam dunia yang kompleks dan saling berkaitan (McTighe, J., & Wiggins, G., 2013 & Paul, R., & Elder, L., 2008). Walaupun banyak kajian-kajian KBAT telah dijalankan tetapi dari aspek pelaksanaannya masih menjadi tanya tanya dan disebabkan itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana KBAT dan PAK21 ditekankan di dalam kandungan buku teks dan sejauh mana ia diterapkan oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Moral di dalam bilik darjah.

Tuntasnya, hasrat kajian ini adalah untuk memastikan teori-teori perkembangan moral diutamakan agar dapat memperkukuhkan pemikiran, sikap dan amalan moral seiring dengan tiga dimensi moral. Kedua, hasrat kajian ini juga bagi memastikan proses pembudayaan Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) diberi keutamaan untuk melahirkan murid-murid yang mampu berdaya saing di peringkat global. Selain





ini, kajian ini juga berhasrat bagi memberi penekanan kepada kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dapat melahirkan tenaga mahir yang kreatif dan inovatif. Dari sudut pelaksanaan PdP, kajian ini memberi penekanan kepada pembelajaran berteraskan pembelajaran aktif.

Selain itu, kajian ini juga ingin melihat dari aspek penghayatan nilai. Penghayatan tidak berlaku kerana nilai-nilai ini tidak diperkukuhkan dengan teori-teori moral dan dengan pedagogi yang betul di mana buku teks seharusnya memberikan teori yang relevan serta pedagogi yang betul untuk guru. Apabila tiada penghayatan nilai ini, ia boleh membawa kepada pelbagai masalah sosial. Maka buku teks yang kurang menekankan teori telah menyebabkan guru tidak mampu menjelaskan kerasionalan sesuatu tingkah laku yang dilakukan oleh murid. Ini menyebabkan murid-murid ini tidak yakin dengan tindakan yang mereka lakukan kerana mereka tidak boleh merasionalkan mengapa sesuatu tindakan itu adalah betul atau salah. Oleh yang demikian, murid-murid tidak dapat membatinkan nilai-nilai yang diajar oleh guru yang menyebabkan berlakunya masalah sosial moral. Kesemua ini berpunca daripada penulisan buku teks yang tidak memberikan fokus kepada aspek teori perkembangan moral.

Penekanan kepada aspek-aspek ini menjadi nadi kepada kajian ini di mana kelompongan-kelompongan yang wujud ini dapat di atasi dengan kemunculan idea-idea baru daripada hasil kajian ini. Idea-idea baru kajian ini adalah untuk memastikan sesuatu kandungan buku teks harus berasaskan teori, pedogogi serta kehendak semasa.





1.7 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membuat satu analisis kritis tentang kandungan buku teks Pendidikan Moral Kurikulum KSSM Sekolah Menengah. Objektif kajian ini ialah:

- i. Menganalisis kandungan penulisan buku teks Pendidikan Moral dalam menjelaskan teori-teori perkembangan moral.
- ii. Meneliti aspek aktiviti dan latihan dalam buku teks Pendidikan Moral dalam mengembangkan kemahiran pembelajaran abad ke-21 (PAK21).
- iii. Menganalisis kandungan kurikulum buku teks Pendidikan Moral dalam mengembangkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
- iv. Mengkaji pelaksanaan kandungan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.



1.8 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan matlamat penyelidikan, persoalan yang akan dijawab dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- i. Sejauh manakah kandungan buku teks Pendidikan Moral menjelaskan teori-teori perkembangan moral?
- ii. Bagaimana aktiviti dan latihan dalam buku teks Pendidikan Moral mampu mengembangkan kemahiran pembelajaran abad ke-21 (PAK21)?
- iii. Apakah kandungan kurikulum buku teks Pendidikan Moral mengembangkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)?





- iv. Sejauh manakan guru mempraktikkan kandungan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah?

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi impak dan membantu pelbagai pihak secara langsung dan secara tidak langsung. Pertama, kajian ini dapat membantu Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang, menyusun dan menerbitkan buku teks Pendidikan Moral sekolah menengah.



memantapkan format penilaian dan pentaksiran dengan lebih komprehensif serta membantu membina item-item berunsurkan KBAT yang lebih mantap, relevan dan berkualiti.

Kajian ini juga akan membantu Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membangunkan bahan pembelajaran yang berkualiti dan mengintegrasikan teknologi pendidikan untuk meningkatkan akses sumber ilmu kepada murid dan guru khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Moral sekolah menengah selaras dengan kaedah pembelajaran abad ke-21 (PAK21).



Selain itu, kajian ini akan membantu Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menilai keberkesanan DSKP KSSM Pendidikan Moral sekolah menengah khususnya melibatkan elemen-elemen seperti standard kandungan, standard pembelajaran dan standard pentaksiran.

Kelima, kajian ini sudah tentu akan menjadi bahan rujukan dan panduan kepada para penulis buku teks Pendidikan Moral sekolah menengah dalam penghasilan buku-buku rujukan yang berkualiti.

Akhir sekali, kajian ini akan membantu guru-guru Pendidikan Moral sekolah menengah dalam merancang strategi pengajaran menggunakan buku teks secara berkesan.

1.10 Batasan Kajian


Pengkaji membatasi kajian kepada tiga aspek kandungan buku teks iaitu teori perkembangan moral, pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Buku teks yang digunakan ialah buku teks Pendidikan Moral tingkatan 4. Kandungan buku teks yang dikaji ialah dari segi aspek bahan rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Kajian ini menumpukan guru-guru Pendidikan Moral yang berpengalaman dan murid-murid Pendidikan Moral tingkatan 4.

Selain itu, teori moral yang dikaji juga terbatas kepada Teori Perkembangan Moral Kognitif oleh Kohlberg (1969), Teori Empati oleh Hoffman (1991), Teori Kepedulian (*ethics of care*) oleh Nel Noddings (1984), Model Empat Komponen Moral Rest (1982) dan Teori Perkembangan Karakter oleh Lickona (1991). Kajian memberikan tumpuan kepada sejauh manakah kandungan dalam buku teks merangsang murid menaakul dalam peringkat dan tahap yang digariskan oleh Kohlberg (1969). Aspek-aspek perkembangan emosi moral seperti *care* (kepedulian), empati dan sikap *altruistic* juga menjadi bahan kajian. Akhirnya, aspek tindakan, motivasi moral dan perlakuan moral juga dikaji dalam penyelidikan ini. Maka, lima teori perkembangan moral terbukti paling sesuai diterapkan bersama standard pembelajaran Pendidikan Moral Tingkatan 4. Hal ini adalah kerana teori-teori perkembangan ini memfokuskan dimensi-dimensi moral secara langsung dan dapat dipraktikkan dalam PdP Pendidikan

Sampel kajian juga terbatas kepada lapan orang guru Pendidikan Moral yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral sekolah menengah lebih dari 5 hingga 10 tahun di sekitar negeri Perak.

1.11 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep di dalam Rajah 1.2 menunjukkan gambaran keseluruhan perjalanan kajian dan perkaitan di antara elemen-elemen yang terlibat.



Rajah 1.2. Kerangka konseptual kajian. Sumber : Diubahsuai daripada Suppiah (2003)

Kerangka konsep menerangkan kandungan di dalam buku teks yang menunjukkan enam bahagian utama di setiap unit. Kandungan buku teks ini telah dianalisis bagi melihat analisis kandungan buku teks dan aplikasi kandungan buku teks di dalam PdP Pendidikan Moral. Analisis kandungan buku teks telah dilakukan menggunakan kaedah Hermeneutik manakala aplikasi kandungan buku teks menggunakan kaedah tematik. Fokus utama analisis adalah dari aspek teori perkembangan moral, pembelajaran abad ke-21 dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Tiga elemen ini diberi penekanan bagi melihat pencapaian matlamat kurikulum Pendidikan Moral iaitu melahirkan insan yang berakhlak mulia (insan bermoral).

1.12 Definisi Istilah

1.12.1 Buku Teks di Malaysia

Buku teks merupakan satu sumber penting kepada sesuatu kurikulum. Menurut UNESCO (1980), buku teks merupakan terjemahan prinsip-prinsip asas sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran yang menjadi bahan rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia diberi kepercayaan bagi memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan program buku teks sekolah-sekolah di Malaysia.

Sebagai sumber utama proses pengajaran dan pembelajaran, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia terus berusaha dari semasa ke semasa bagi memastikan jaminan kualiti buku teks dipelihara. Dalam konteks kajian ini, buku teks Pendidikan Moral KSSM tingkatan 4 akan dikaji.

1.12.2 Pendidikan Moral

Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid bukan Islam bermula dari tahun 1 hingga tingkatan 5. Pendidikan Moral mula diperkenalkan secara standard sejak perlaksanaan Kurikulum Baru Sekolah



Rendah (KBSR) pada tahun 1983. Kurikulum terkini Pendidikan Moral memfokuskan pembelajaran berasaskan nilai bagi peringkat sekolah rendah (Semakan KSSR, 2017) dan pembelajaran berasaskan tema bagi peringkat sekolah menengah (KSSM, 2017).

1.12.3 Teori Perkembangan Moral

Teori perkembangan moral adalah teori-teori yang menggariskan tahap perkembangan ilmu moral seseorang individu. Terdapat tiga domain utama yang diberi penekanan dalam bidang moral iaitu teori-teori berkaitan dengan penaakulaan moral, teori-teori yang berkaitan dengan emosi moral dan teori-teori yang berkaitan dengan amalan moral. Tiga domain utama ini juga adalah dimensi moral yang selari terkandung dalam kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia. Antara teori-teori perkembangan moral yang biasa dibincangkan dalam bidang moral adalah teori perkembangan kognitif moral yang dipopularkan oleh Lawrence Kohlberg (1981), Selain itu terdapat juga teori empat komponen moral yang diperkenalkan oleh Rest (1999), teori kepedulian oleh Noddings (2002), teori empati moral yang dipopularkan oleh Hoffman (2003) dan teori pembangunan karakter oleh Lickona (1991). Kelima-lima teori ini juga digunakan dalam kajian ini kerana teori-teori ini memberi fokus kepada dimensi moral yang merupakan tunjang utama pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Pengabungan semua dimensi ini melalui teori perkembangan moral mampu membentuk sahsiah dan tingkah laku murid.





1.12.4 Pembelajaran abad ke-21 (PAK21)

Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) adalah antara elemen utama dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Enam elemen diberi fokus iaitu komunikasi, berfikir secara kritis, aspek penyelesaian masalah, etika kerja serta profesionalisme, kolaborasi dan penggunaan teknologi. Menurut Azalya (2003), bagi menghadapi cabaran globalisasi, rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan serta latihan yang kukuh dan mempunyai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan dalam berkomunikasi, menguasai pelbagai bahasa, berfikir kritis dan berinovatif. Penekanan kepada aspek pembelajaran abad ke-21 (PAK21) berupaya melahirkan insan yang berdaya saing di peringkat global serta bersedia menghadapi cabaran-cabaran dalam abad ini.



Kajian ini menganalisis secara kritis sejauh mana kandungan aktiviti dan latihan buku teks Pendidikan Moral KSSM tingkatan 4 memenuhi kehendak pembelajaran abad ke-21 (PAK21).

1.12.5 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan satu elemen yang dititik beratkan dalam PdPc menggunakan DSKP KSSM. Bagi peringkat menengah, empat tahap



pemikiran telah diberi penekanan. Dalam tahap pemikiran KBAT murid-murid berfokus kepada aspek mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta. Menurut Vishalache (2020), KBAT menjadi bahagian penting dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya bermula dari rumah ke peringkat sekolah dan seterusnya ke peringkat pengajian tinggi. Menurutnya lagi, KBAT banyak diperlukan dalam abad ke-21 ini, keadaan teknologi dan Revolusi 4.0. Etika dan sikap sivik yang rasional dan berintegriti amatlah penting dalam memastikan unsur-unsur KBAT dapat diaplikasikan dengan cara yang telus dan jujur.

Latihan serta aktiviti di dalam buku teks menjadi alat utama bagi menilai aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid. Kajian ini juga akan melihat sejauh mana aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) digunakan di dalam buku teks.

1.13 Penyusunan Tesis

Tesis ini mengandungi lima bab secara keseluruhannya. Bab satu adalah bab pengenalan di mana beberapa aspek dibincangkan secara terperinci. Bab satu terdiri daripada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, penerangan tentang Kurikulum Standard Sekolah Menengah dan buku teks Pendidikan Moral, batasan kajian, kerangka konseptual kajian menggunakan kaedah Hermeneutik, definisi istilah, penyusunan tesis dan kesimpulan bab.

Bab dua pula membincangkan tentang soroton kajian iaitu perbincangan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian. Bab tiga membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan. Antara perbincangan ialah kaedah reka bentuk kajian, prosedur kajian, peserta kajian, instrumen kajian, teknik-teknik pengumpulan data, kesahan dan kebolehpercayaan.

Bab empat membentangkan aspek-aspek analisis data dan dapatan kajian secara terperinci. Bab lima pula merupakan bab perbincangan berkaitan kajian, implikasi serta cadangan daripada pengkaji berdasarkan dapatan kajian.

1.14 Kesimpulan Bab

Secara keseluruhannya, bab satu telah menerangkan tentang latar belakang Pendidikan Moral di Malaysia serta kepentingan buku teks sebagai satu sumber utama dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral KSSM di sekolah menengah, teori perkembangan moral, pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Analisis kandungan buku teks ini mengambil kira tiga aspek ini selaras dengan perkembangan buku teks sebagai sumber penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia.